



PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN JOHOR
Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Kota Iskandar
79576 Iskandar Puteri
JOHOR.

No. Tel : 07 2666 880 / 2666 881 / 2666 882

No. Faks : 07 2661 433

Laman Web : <http://ptj.johor.gov.my>

POS	
-----	--

AMBIL SENDIRI	
---------------	--

**SENARAI SEMAK (CHECK-LIST) PERMOHONAN
 KEBENARAN PINDAHMILIK TANAH.**

Dokumen yang perlu dikemukakan :-

Semakan Pemohon	Semakan Pejabat
-----------------	-----------------

1. BORANG PERMOHONAN (diberi secara **PERCUMA**)
 Jenis Borang:-

- PM.1 – Antara Orang Perseorangan**
PM.2 – Antara Orang Perseorangan kepada Syarikat
PM.3 – Antara Syarikat / Pertubuhan
PM.4 – Antara Syarikat kepada Orang perseorangan

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

Semua Borang Permohonan boleh juga dicetak sendiri melalui laman web PTG Johor sebagaimana alamat di atas.

2. **Salinan Hakmilik** dan **Carian Persendirian** bagi :-

(a) Tanah yang hendak dipindahmilik

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

(b) Tanah-tanah lain milik pemohon, termasuk tanah tapak rumah yang diduduki sendiri oleh pemohon semasa mengemukakan permohonan *(jika ada)*. Sediakan senarai sekiranya memiliki beberapa bidang tanah lain.

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

3. **Salinan Surat Perjanjian Jualbeli** *(jika ada)*.
(Pemilikan kurang 5 tahun akan dikenakan denda tambahan)

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

4. **Salinan resit cukai tanah** dan jika tanah terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, **Cukai harta bagi tahun semasa.**

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

5. **Salinan Kad Pengenalan pemohon dan bakal pemilik.**

<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
--------------------------	--------------------------

6. **Salinan Sijil Kelahiran/Surat Beranak** yang terkini sekiranya pindahmilik :
- (a) di antara ibu atau bapa dengan anaknya, nenek kepada cucu atau
- (b) antara adik beradik, dan
- (c) tanah adalah Rizab Melayu
7. Sekiranya bakal penerima adalah anak angkat, **salinan Sijil Pendaftaran Anak Angkat.**
8. Sekiranya pindahmilik antara pasangan suami isteri sertakan **salinan Sijil Nikah atau Sijil Daftar Perkahwinan**
9. **Surat Persetujuan dari Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Johor**, sekiranya hartanah yang hendak dipindahmilik itu adalah **Rumah atau Kedai Kos Rendah atau Kos Sederhana Rendah atau Rumah Mampu Milik Johor**
10. **Surat persetujuan daripada Pihak Berkuasa** yang berkenaan sekiranya pindahmilik harta ini melibatkan tanah dalam Rancangan FELDA, FELCRA atau yang dibangunkan secara kelompok oleh RISDA.
11. **Surat persetujuan Pemegang Gadaian** (Bank/Institusi Kewangan) sekiranya tanah masih dalam gadaian (*jika ada*).
12. **Sekiranya tanah adalah Lot Bumiputera hendak dipindahmilik kepada Bukan Bumiputera** – Tindakan mengiklankan di dalam akhbar tempatan sebanyak tiga (3) kali terbitan dalam tempoh tiga (3) bulan berturut-turut hendaklah dilakukan. Maklumat hartanah perlu dinyatakan pada iklan tersebut. Keratan asal akhbar perlu dilampirkan.
13. Sekiranya sebab memindahmilik tanah kerana telah berpindah ke tempat lain, sertakan pengesahan dari majikan atau Ketua Kampung atau sertakan bil bekalan air atau elektrik tempat tinggal yang baru, jika pemohon tinggal di rumah sendiri.
14. Sekiranya pemohon dilantik oleh Mahkamah atau Pengarah Pembahagian Pusaka sebagai Pentadbir atau Pemegang Amanah, sertakan Perintah yang memberi kuasa untuk memindahmilik tanah yang **diakui sah oleh Mahkamah.**
15. Surat Kuasa iaitu 'Power of Attorney' yang disahkan oleh Pendaftar Mahkamah sekiranya pindahmilik dilakukan berasaskan kuasa yang diberi dalam Surat Kuasa tersebut.

16. Jika Pemohon atau Penerima pindahmilik adalah **syarikat/pertubuhan**, sila kembalikan dokumen berikut:-

- a. Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat
- b. Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Pertubuhan
- c. Borang 49 Akta Syarikat 1965 / Senarai pemegang Amanah
- d. Borang 24 Akta Syarikat 1965
- e. Senaskah M & A / Undang-undang Tubuh
- f. Pengesahan saham syarikat (disediakan oleh setiausaha syarikat)
- g. Pengesahan sebagai 'Melayu' di Bawah Jadual Kedua Enakmen Rizab Melayu jika hakmilik adalah berstatus Rizab Melayu

yang diakui sah oleh Setiausaha Syarikat.

17. Dokumen sokongan yang lain seperti surat pengesahan kesihatan dari seorang doktor sekiranya tanah terpaksa dipindahmilik kerana memerlukan wang untuk membiayai rawatan penyakit atau pengesahan dari Institusi Pendidikan mengenai kemasukan penuntut, sekiranya wang diperlukan untuk menampung pendidikan anak.

18. Alamat hendaklah ditulis dengan terang, Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab sekiranya surat kelulusan tidak sampai dan tuan akan dikenakan bayaran RM100.00 untuk mendapatkan salinannya.
Bayaran RM5.00 diperlukan jika pemohon ingin surat kelulusannya dihantar melalui "Surat Pos Berdaftar".

19. **Bayaran daftar permohonan sebanyak RM100.00** bagi setiap hakmilik. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau wang pos atau cek peguam yang ditulis atas nama Pengarah Tanah dan Galian Johor atau Pentadbir Tanah daerah berkaitan.

20. Semua permohonan yang telah lengkap hendaklah dimajukan terus kepada;

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Johor
Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang
Pusat Pentadbiran Kerajaan Kota Iskandar
79576 Iskandar Puteri JOHOR.

Jika Hakmilik Pejabat Pendaftar:
Jenis Hakmilik- HS(D)/PN/GN

Pentadbir Tanah Daerah Yang Berkaitan

Jika Hakmilik Pejabat Tanah
Jenis Hakmilik - HS(M)/PM/GM

PERINGATAN :
SALINAN KAD PENGENALAN HENDAKLAH TERANG DAN MUDAH DIBACA³

MAKLUMAN UNTUK SEMUA PELANGGAN

1. Kadar Bayaran Permohonan Pindahmilik:-

RM100.00 bagi setiap hakmilik
(Mengikut Pekeliling PTG Johor Bil. 8 Tahun 2019)

2. Kadar Bayaran Kelulusan :-

JENIS KATEGORI TANAH	FEE PERMOHONAN	BAYARAN KELULUSAN
<u>PERTANIAN</u> Tanah pertanian termasuk Tanah Kurnia	RM100.00	RM100 / ekar atau sebahagian
<u>BANGUNAN</u> Kos Rendah/Murah Tanah Kurnia Lot Bumiputera Komersial (Perniagaan / Perdagangan) Komersial Lot Bumiputera	RM100.00 RM100.00 RM100.00 RM100.00 RM100.00	RM500/unit RM500/unit RM1,500/unit RM2,000/unit RM3,500/unit
<u>INDUSTRI</u> Industri Tanah Kurnia Lot Bumiputera	RM100.00 RM100.00	RM3,500/unit RM5,000/unit

3. Denda Bagi Pindahmilik Tanah Yang Berlaku Dalam Tempoh 5 Tahun atau kurang :-

TAHUN PEMILIKAN	KADAR DENDA
≤ 1 tahun	5 x bayaran kelulusan
2 tahun	4 x bayaran kelulusan
3 tahun	3 x bayaran kelulusan
4 tahun	2 x bayaran kelulusan
5 tahun	1 x bayaran kelulusan

4. Perlanjutan Tempoh Surat Kelulusan:-

Pemohon diberi tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat kelulusan untuk mendaftarkan suratcara pindahmilik tanah (Borang 14A KTN) di Pejabat Tanah / PTG Johor.

Selepas tamat tempoh 6 bulan tersebut, pemohon dibenarkan melanjutkan tempoh dengan dikenakan bayaran permohonan sebanyak RM50.00.

Selepas tamat tempoh satu (1) tahun, pemohon tidak dibenarkan melanjutkan tempoh kelulusan. Permohonan baru perlu dibuat sekiranya masih ingin meneruskan pindahmilik tersebut.

5. Pihak Yang Berkuasa Menimbang Permohonan ini:

- a. Antara kaum (tidak sama bangsa) - Menteri Besar Johor
(Hakmilik Pejabat Tanah dan Pejabat Pendaftar)
- b. Sesama bangsa
Hakmilik Pejabat Pendaftar - Pengarah PTG Johor
Hakmilik Pejabat Tanah - Pentadbir Tanah
- c. Rumah/Kedai Kos Rendah/
Sederhana Rendah - Pengarah / Timbalan
Pengarah PTG Johor

6. Piagam Pelanggan :-

Jangka masa tempoh memproses permohonan ini adalah seperti berikut:

- a. Perakuan ke Pejabat Menteri - 1 hingga 14 hari
Besar Johor (Dimajukan ke Pejabat Menteri
Besar Johor)
- b. Kelulusan oleh Pengarah PTG - 2 hingga 3 minggu
Timbalan Pengarah/Pentadbir Tanah

7. Rayuan dan Bayaran :-

Permohonan rayuan boleh dikemukakan kepada Y.A.B. Menteri Besar Johor melalui Pejabat Tanah dan Galian Johor atau Pejabat Tanah Daerah dengan dikenakan bayaran sebanyak RM100.00 bagi setiap hakmilik.